

Publication	NTV7 7Edition	Section/Page No.	
Date	Khamis, 1 September 2022	Lead Article	
Headline	Mencuit Hati Dan Sarat Dengan Mesej Iklan Hari Kebangsaan Takaful Malaysia Memang Best		

Mencuit Hati & Sarat Dengan Mesej, Iklan Hari Kebangsaan Takaful Malaysia Memang Best!

Sedar tak sedar, tahun ini Malaysia meraikan Hari Kebangsaan yang ke-65. Setelah beberapa tahun Hari Kebangsaan disambut dalam suasana yang sederhana disebabkan pandemik, kali ini kita kembali meraikannya dengan meriah!

Ha, selain tunggu perbarisan Hari Kebangsaan pada pagi 31 Ogos, perkara yang paling dinantikan adalah iklan-iklan menarik bertemakan patriotik!

Iklan kegemaran tahun ini semestinya adalah iklan Hari Kebangsaan daripada Takaful Malaysia bertajuk Lemah Loudspeaker. Siapa Lemah Loudspeaker ni? Mesti anda nak tahu kan? Jom kami kongsi!

Lemah Loudspeaker bertemakan semangat kebersamaan

Untuk pengetahuan anda, tahun ini Takaful Malaysia telah mempersembahkan iklan Hari Kebangsaan berkonsepkan komedi tetapi mampu menyentuh perasaan dengan semangat kejiranan yang ditonjolkan.

Lemah Loudspeaker mengisahkan seorang lelaki yang peramah dan ceria memperkenalkan jiran-jirannya di taman perumahan tersebut iaitu Kumaran, Asmah dan Lee kepada keluarga Roslan yang baru berpindah.

Kumaran DIY, seorang yang suka kelentang kelentung bertukang, Asmah pula suka memasak dan mencuba macam-macam resepi. Lee pula seorang kaki gadget yang dah buat siaran TV Lemah terganggu!

Fuh..macam-macam betul perangai mereka yang Lemah Loudspeaker kena hadap, sampai stress dibuatnya!

Hmm..macam manalah Lemah Loudspeaker ni boleh bertahan ya?

Walaupun mempunyai jiran yang bermacam ragam ni, tapi merekalah yang membantu dan sentiasa ada di saat Lemah dalam kesusahan. Bak kata Lemah, "Selagi mereka ni masih ada, saya tak akan keluar dari taman ni".

Begitu mendalam sekali semangat kejiranan yang mereka tunjukkan.

Iklan yang berdurasi 2:19 minit ini pada akhirnya mencerminkan bahawa walaupun berlainan budaya, bangsa dan latar belakang, kita semua adalah satu dan karakter yang berbeza inilah yang membuatkan kita menyayangi antara satu sama lain.



Jangan lupa saksikan iklan Leman Loudspeaker ini di saluran YouTube Takaful Malaysia. Jom sama-sama kita menyemarakkan lagi semangat Hari Kebangsaan dengan menghargai orang di sekeliling kita.

Selamat Hari Kebangsaan yang ke-65 daripada XTRA!